

TIDACT CAPSULE

Clindamycin (150mg, 300mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan TIDACT CAPSULE
2. Bagaimana TIDACT CAPSULE berfungsi
3. Sebelum menggunakan TIDACT CAPSULE
4. Cara menggunakan TIDACT CAPSULE
5. Semasa menggunakan TIDACT CAPSULE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan TIDACT CAPSULE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan TIDACT CAPSULE

TIDACT CAPSULE digunakan untuk jangkitan bakteria serius oleh bakteria *Staphylococci*, *Streptococci* (kecuali *Streptococcus faecalis*), *Pneumococci* dan jangkitan bakteria anaerobik.

Bagaimana TIDACT CAPSULE berfungsi

Clindamycin adalah antibiotik yang membunuh bakteria yang sensitif kepadanya.

Sebelum menggunakan TIDACT CAPSULE

- Bila tidak boleh digunakan

Jangan menggunakan TIDACT CAPSULE jika anda alah kepada Clindamycin atau Lincomycin.

Tidak boleh digunakan pada bayi baru lahir.

- Sebelum mula menggunakan TIDACT CAPSULE

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi untuk maklumat lanjut.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Clindamycin dan Erythromycin tidak boleh diberikan secara serentak kerana kajian telah menunjukkan berlakunya penentangan secara in vitro.

Penggunaan bersama sediaan 'ubat kaolin dan anti-diarrheal' didapati akan mengurangkan penyerapan clindamycin dengan ketara.

Cara menggunakan TIDACT CAPSULE

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa:

Jangkitan serius: 150 hingga 300mg setiap 6 jam.

Jangkitan yang lebih serius: 300 hingga 450mg setiap 6 jam.

Kanak-kanak:

Jangkitan serius: 8 hingga 16mg/kg/hari dibahagikan kepada tiga hingga 4 dos rata.

Jangkitan yang lebih serius: 16 hingga 20mg/kg/hari dibahagikan kepada tiga hingga 4 dos rata.

- Bila perlu digunakan

TIDACT CAPSULE perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan TIDACT CAPSULE seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlepas dos TIDACT CAPSULE, ambil secepat mungkin. Jika ia menghampiri masa untuk dos seterusnya, skip dos tertinggal dan kembali kepada jadual pengambilan dos biasa anda. Jangan menggandakan dos.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan rawatan perubatan jika anda telah mengambil TIDACT CAPSULE secara berlebihan.

Semasa menggunakan TIDACT CAPSULE

- Perkara yang perlu dilakukan

TIDACT CAPSULE harus digunakan dengan berhati-hati pada individu yang mempunyai sejarah penyakit gastrousus, terutamanya colitis.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Keselamatan ubat semasa hamil belum disahkan. Beritahu doktor jikalau hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, elak gunakan TIDACT CAPSULE kecuali atas arahan doktor.

Kesan-kesan sampingan

Clindamycin boleh menyebabkan cirit-birit yang teruk dan berterusan, loya, muntah, kekejangan perut, dan kelainan deria rasa. Kolitis *pseudomembranous* teruk berlaku pada sesetengah pesakit dan kadang-kadang membawa maut. Tindak balas hipersensitiviti termasuk ruam kulit dan urtikaria boleh berlaku, dan leukopeni sementara dan *Eosinophilia*, keabnormalan ujian fungsi hati, dan penyakit kuning telah dilaporkan. *Agranulocytosis*, *thrombocytopenia*, dan *erythema multiforme* telah diperhatikan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan TIDACT CAPSULE

- Penyimpanan

Simpan di dalam bekas kedap udara. Simpan di bawah suhu 30°C dan elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

TIDACT CAPSULE perlu dilupuskan jika doktor atau ahli farmasi anda memberitahu untuk berhenti menggunakannya atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

TIDACT CAPSULE:

Kapsul gelatin keras dengan penutup kapsul berwarna ungu (violet) manakala bahagian badan kapsul berwarna kuning dan di cetak dengan perkataan "TDC", dan mengandungi serbuk putih.

Tidact Capsule 300mg:

Kapsul gelatin keras saiz #0 berwarna biru muda yang mengandungi serbuk putih, dengan simbol "YSP" di kedua-dua belah kapsul.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Clindamycin hydrochloride

Bahan tidak aktif:

Cellulose

Magnesium Stearate

Lactose

- Nombor MAL

150 mg: MAL19970979AZ

300 mg: MAL05041949AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran

Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan

Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000

Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

20/01/2021

Nombor Siri

NPRA(R2/1)210215/623